

20 SEP 2002

BELANJAWAN-GALAKAN

KERAJAAN SEDIA GALAKAN ISTIMEWA BAGI TINGKATKAN EKSPORT

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Syarikat yang berjaya mencatat pertambahan eksport yang ketara akan diberi pengecualian cukai ke atas pendapatan statutori bersamaan 30 peratus daripada nilai peningkatan eksport, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

"Bagi syarikat yang berjaya menembusi pasaran baru, mereka akan mendapat pengecualian cukai ke atas pendapatan statutori bersamaan 50 peratus daripada nilai peningkatan eksport," kata Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan semasa membentangkan Belanjawan 2003 di Dewan Rakyat di sini.

Sementara itu, bagi yang berjaya mencatat peningkatan eksport yang tertinggi akan mendapat pengecualian cukai pendapatan sepenuhnya ke atas nilai peningkatan eksport.

Cadangan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2003.

"Selaras dengan hasrat kerajaan bagi meningkatkan lagi eksport dengan memastikan barangan Malaysia mendapat pasaran yang meluas, adalah dicadangkan syarikat pengilang milik tempatan diberi galakan yang lebih menarik," kata Dr Mahathir.

Katanya, adalah wajar sokongan padu diberi bagi menjadikan Malaysia sebuah negara pengeksport barangan bermutu tinggi yang dapat bersaing di pasaran global.

Pada masa kini, antara lain, Kerajaan telah memberi potongan dua kali ke atas perbelanjaan mengalakkan eksport dan pengecualian cukai sehingga 70 peratus daripada pendapatan statutori yang diperolehi oleh syarikat perdagangan antarabangsa daripada peningkatan jualan eksport selama 5 tahun.

"Pengecualian juga diberi ke atas pendapatan statutori bersamaan 10 peratus daripada nilai peningkatan eksport sekiranya barangan yang dieksport mencapai nilai ditambah sekurang-kurangnya 30 peratus," tambah Perdana Menteri. -- BERNAMA.

TNS ZK